

**NO. SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH**

**TARIKH : 5 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9702**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah terkini yang telah pun diambil untuk mengelakkan berlakunya kematian- kematian di dalam lokap seperti di dalam kes S. Bala Murugan baru-baru ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang untuk menangani masalah ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.**

**Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyemak semula *Standard Operating Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu di antaranya:-**

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit / kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
  
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;**

- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM diadakan untuk menentukan tahanan dibuat mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan
- f) Menjadikan naziran terhadap lokap polis sebagai *Key Performance Indicator (KPI)* Kementerian Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini sejumlah 8 lokap polis telah dilawati oleh Pasukan Naziran.

Kementerian tiada cadangan untuk memperkenalkan undang-undang baharu berkaitan perkara ini memandangkan peruntukan undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi bagi menyiasat kes kematian dalam tahanan. Di samping itu, terdapat badan bebas seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatuasa (SIAP) yang juga boleh menjalankan siasatan apabila berlakunya sebarang kes

**kematian dalam tahanan mengikut kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka.**